

NGO desak kerajaan batal cadangan meratifikasi perjanjian ICERD

Kasimo 01/11/2008 M/S 13

Peliharaka hak Melayu, bumiputera

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR
dan HARIZ KAMARUDIN

KUALA LUMPUR – Komitmen kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) terus dibantah pelbagai pihak.

Bantahan tersebut dizahir dalam satu perhimpunan yang diadakan di luar bangunan Parlimen di sini semalam.

Hampir 500 peserta hadir dengan membawa pelbagai sepanduk yang menolak ratifikasi konvensyen itu.

Satu memorandum berkaitan bantahan terhadap ICERD turut diserahkan kepada wakil kerajaan.

Kemuncak bantahan tersebut dilaksanakan dengan pengusungan



SEBAHAGIAN anggota NGO mengusung keranda sebagai simbolik membantah cadangan kerajaan meratifikasi ICERD yang dianggap memamatkan hak orang Melayu dan bumiputera di luar bangunan Parlimen, Kuala Lumpur semalam.

sebuah keranda dalam perhimpunan tersebut yang dipercayai sebagai simbolik penghapusan hak bumiputera seperti terkand-

ung dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan sekiranya ICERD diratifikasi.

Dalam pada itu, Timbalan

Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, kerajaan PH digesa membatalkan semua cadangan untuk meratifikasi ICERD.

“Tindakan meratifikasi ICERD secara langsung akan menyentuh beberapa sendi utama berkenaan hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera yang dilindungi di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dan beberapa peruntukan Perlembagaan yang lain,” katanya pada sidang akhbar di bangunan Parlimen di sini semalam.

Terdahulu beliau bersama Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan beberapa Ahli Parlimen parti itu serta kumpulan NGO berkenaan berarak ke arah bangunan Parlimen bagi membantah cadangan kerajaan untuk meratifikasi ICERD.

Memorandum yang dikemu-

kakan kumpulan NGO yang diketuai oleh Gerakan Pembela Ummah itu diterima oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Md. Farid Md. Rafik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P. Waytha Moorthy pada 24 Oktober lalu dilaporkan berkata, kerajaan komited untuk meratifikasi enam triti hak asasi manusia termasuk ICERD pada suku pertama tahun 2019 selaras dengan manifesto PH.

ICERD adalah salah satu konvensyen antarabangsa hak asasi manusia yang telah berkuat kuasa dari tahun 1969 di mana negara yang meratifikasinya hendaklah menghapuskan segala bentuk diskriminasi bangsa dan kaum.

Bagaimanapun, Amerika Syarikat dan Israel adalah antara negara yang tidak meratifikasi konvensyen tersebut.